

03/12/2001

Umno perlu jemput ahli BN berbuka puasa

KUALA LUMPUR, Ahad - Umno bahagian perlu menjemput parti komponen Barisan Nasional (BN) menghadiri majlis berbuka puasa untuk memberi peluang kepada masyarakat bukan Melayu mengenali lebih dekat amalan pada bulan Ramadan.

Pengerusi BN Wilayah Persekutuan, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata langkah itu juga membolehkan mereka mengetahui mengenai Islam yang mudah dianuti, manakala umatnya pula mudah berbicara.

"Melalui cara ini, pemimpin dan ahli parti komponen dapat melihat Islam dari dekat dan agama ini tidak harus dikaitkan dengan keganasan.

"Kita (Umno bahagian) perlu mencontohi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjemput kaum lain untuk menghadiri majlis berbuka puasa," katanya pada Majlis Berbuka Puasa dan Meraikan Anak-Anak Yatim anjuran Umno Bahagian Seputeh, di sini hari ini.

Pada majlis itu, seramai 142 anak yatim dari Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Taman Tun Dr Ismail, Sekolah Kebangsaan Sungai Kertas dan dari Umno bahagian Seputeh diberi sumbangan hari raya.

(END)